

Helah Riba dalam Transaksi Jual Beli Emas secara Bertanggung

MUHAMAD ZUHAILI SAIMAN
AHMAD DAHLAN SALLEH

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI • 2024
www.ukm.my/penerbit

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2024
Hak Cipta / *Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA
www.ukm.my/penerbit
e-mel: penerbit@ukm.edu.my

Penerbit UKM adalah anggota / *is a member of the*
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA /
MALAYSIAN SCHOLARLY PUBLISHING COUNCIL
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA /
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
No. Ahli / *Membership No.* 198302

Atur huruf oleh / *Typeset by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
eISBN 978-629-486-197-8

Kandungan

Senarai Jadual & Rajah ... 7

Prakata ... 9

BAB 1 Urus Niaga Emas di Malaysia ... 13

BAB 2 Garis Panduan Transaksi Urus Niaga Jual Beli Emas Menurut
Syariah ... 28

BAB 3 Parameter Pemakaian Helah dalam Urus Niaga Emas ... 44

BAB 4 Pemakaian Helah ke Atas Aplikasi Jual Beli Emas secara
Bertangguh ... 67

BAB 5 Pematuhan Syariah Aplikasi Jual Beli Emas secara
Bertangguh ... 105

Rujukan ... 115

Indeks ... 121

Prakata

Emas semakin mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat umum sebagai instrumen simpanan yang kukuh di samping para pelabur dalam menjangkakan keuntungan yang bakal diperolehi berdasarkan graf kenaikan harga emas dari semasa ke semasa berbanding nilai emas yang terdahulu. Banyak pihak yang menawarkan produk emas sama ada secara fizikal atau digital dengan pembukaan akaun-akaun emas di bank-bank atau agensi-agensi penjualan emas seperti Public Gold, KAB Gold, YaPEIM dan sebagainya. Hal ini menunjukkan emas terus mendapat perhatian di samping ia dikaitkan dengan penggunaannya dalam bentuk dinar di zaman Rasulullah SAW dan sebelum ini. Bagi memastikan produk emas atau apa sahaja transaksi emas ini patuh syariah apatah lagi emas merupakan item *ribawi*, maka perlunya kefahaman dan panduan agar para pembeli dan pelanggan melakukan transaksi yang melibatkan urusan niaga emas ini patuh syariah. Hal ini kerana, dibimbangi jika tidak diambil perhatian yang serius, transaksi ini boleh menyebabkan berlaku riba yang merupakan dosa besar lagi diisytiharkan perang oleh Allah menerusi kalam-Nya dalam al-Quran.

Dalam konteks urusan niaga emas semasa, terdapat transaksi yang menyebabkan berlakunya unsur bertangguh dengan melihat kelewatan penerimaan produk emas secara fizikal oleh pembeli dan juga terdapat unsur penangguhan menerusi pembelian yang menggunakan kaedah kunci harga (*lock price*) yang semakin popular ditawarkan. Selain itu, terdapat tawaran pembayaran emas secara ansuran empat bulan yang dinamakan dengan *easy payment purchase* (EPP) menjadikan jika benar wujudnya unsur bertangguh ini, maka telah melanggar garis panduan urusan niaga yang melibatkan item *ribawi*. Jika melibatkan penggunaan helah dalam urusan niaga emas tersebut bagi membolehkan jual wujudnya unsur bertangguh, maka perlunya perbincangan terhadap helah tersebut. Hal ini kerana, para sarjana Islam membahagikan helah kepada dua hukum sama ada ia dibolehkan oleh syarak ataupun tidak berdasarkan kepada konsep, kriteria dan kaedah yang berkaitan dengannya. Maka, di sinilah pentingnya untuk memahami parameter penggunaan helah yang dibenarkan oleh syarak

agar hukum agama dapat dipelihara dengan baik dan bukannya menjadi mainan berdasarkan keinginan dan kepuasan manusia semata-mata.

Buku ini sebahagian daripada tesis peringkat master yang berjudul *Helah Riba dalam Transaksi Jual Beli Emas secara Bertanggung*. Buku ini bertujuan membincangkan sebanyak lima bab perbincangan utama dipersembahkan kepada pembaca yang meliputi hukum-hakam berkaitan urus niaga emas serta garis panduan yang melibatkan item *ribawi* oleh para sarjana Islam, hukum emas yang melibatkan transaksi secara bertanggung, perbincangan mengenai helah yang dibenarkan oleh syarak dan juga yang terlarang dan solusi kepada transaksi jual beli emas secara bertanggung menerusi kaedah kunci harga (lock price). Buku ini juga merupakan sebahagian daripada hasil geran penyelidikan yg ditaja oleh Universiti Kebangsaan Malaysia melalui Dana Penerbitan Buku 2024 (DPB-2024-015).

Buku ini diharapkan dapat memberikan hasil yang dapat diambil manfaatnya kepada JAKIM dan jabatan mufti negeri-negeri selaku pihak berautoriti dalam mengeluarkan sesuatu fatwa atau hukum bagi panduan kepada umat Islam serta penasihat-penasihat syariah yang dilantik oleh pihak-pihak serta agensi-agensi yang terlibat dalam menawarkan produk emas sama ada pihak bank atau agensi penjualan emas. Selain itu, buku ini juga bermanfaat kepada para pengkaji akademik yang terlibat dalam penyelidikan akademik serta ilmiah terhadap isu-isu semasa yang berkaitan dengan transaksi emas bagi membentuk parameter patuh syariah dalam isu transaksi emas secara bertanggung. Ditambah lagi, buku ini juga menghasilkan juga parameter pemakaian helah yang dibenarkan oleh syarak bagi memastikan hukum-hakam yang melibatkan emas menepati pematuhan syariah.

Di samping itu, buku ini juga diharap dapat berpotensi membantu para pihak bank dan agensi yang menawarkan produk emas ini agar menguruskan risiko dalam meraih keuntungan dengan memastikan isu-isu berkaitan hukum adalah patuh syariah. Ia juga diharapkan membantu meningkatkan kefahaman umat Islam yang menjadi pelanggan atau pembeli produk emas ini agar memastikan urus niaga yang mereka terlibat adalah sah di sisi syarak serta memperoleh pahala selain keuntungan dan kelebihan dari emas itu sendiri. Secara tidak langsung, pertumbuhan pihak yang menawarkan produk emas yang semakin rancak menjadi model dalam memastikan urus niaga yang melibatkan emas adalah urus niaga yang mempunyai garis panduan serta pemakaian parameter yang jelas bagi

memastikan kepatuhan syariah, seterusnya melonjak imej negara Malaysia pada peringkat antarabangsa kerana emas adalah produk kekayaan yang bersifat global, tidak hanya tempatan.

Muhamad Zuhaili Saiman
Ahmad Dahlan Salleh